



Siaran Akhbar

Diterbitkan oleh **Bahagian Komunikasi Korporat MARA**,
Tingkat 24, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan Raja Laut, 50609 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2613 2000 Faks : 03-2692 7386 Portal : www.mara.gov.my

**Keusahawanan
& Pendidikan Global**
Majlis Amanah Rakyat

KENYATAAN AKHBAR

MARA NAFI TERLIBAT DENGAN NOTIS TEMUDUGA KEMASUKAN AWAL SIJIL, ASASI, DIPLOMA DAN IJAZAH

Majlis Amanah Rakyat (MARA) membuat kenyataan rasmi berkenaan notis yang dikeluarkan oleh pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan MARA berkenaan Notis Temuduga Kemasukan Awal Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah.

MARA menerima banyak aduan berhubung Notis Temuduga Kemasukan Awal Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah yang dikaitkan dengan tajaan MARA.

Untuk makluman, MARA tidak pernah melantik sebarang ejen atau pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan MARA dalam penawaran atau proses Pinjaman Pelajaran MARA kepada para pelajar yang melanjutkan pengajian di dalam mahu pun luar negara.

Segala urusan Pinjaman Pelajaran MARA dikendalikan oleh MARA melalui permohonan secara *online* yang mana tiada sebarang bayaran dikenakan.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang bayaran berkenaan proses atau permohonan Pinjaman Pelajaran MARA kepada ejen atau pihak ketiga yang tiada kaitan dengan MARA.

Bagi sebarang maklumat, bantuan dan pertanyaan lanjut, orang ramai dinasihatkan mendapatkan maklumat dengan melayari Portal Rasmi MARA di www.mara.gov.my.
